

PP	KJ	KK	JUM
5	-	3	8

No. Kad Pengenalan: _____



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

**PEGAWAI KEBUDAYAAN B41 / PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41 /
PEGAWAI KESELAMATAN KP41 / PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S41**

KERTAS I - UMUM

Tarikh : 30 Oktober 2019 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari (3 jam)

Tempat : Kampus Induk & Kampus Kesihatan

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **LAPAN (8)** soalan berbentuk esei. Anda dikehendaki menjawab LIMA (5) soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 20 markah.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

1. Huraikan **ENAM (6)** komponen teras dalam pembangunan bakat yang telah dikenalpasti oleh Universiti.

(20 Markah)

2. Huraikan **ENAM (6)** teras Program APEX.

(20 markah)

3. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (USM) :-

- i) Bincangkan peranan/kuasa Lembaga Gabenor Universiti, Senat dan Pusat Pengajian sebagai pihak berkuasa Universiti.

(10 markah)

- ii) Apakah peranan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan Ketua Pustakawan untuk memajukan Universiti dalam konteks Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX?

(10 markah)

4. Arahan Keselamatan adalah bertujuan untuk mengawal rahsia negara dengan berkesan. Sila jelaskan tafsiran bagi perkara berikut yang terdapat di dalam Arahan Keselamatan :-

- i) Rahsia
- ii) Utusan Selamat
- iii) Perkataan Kod
- iv) Sulit
- v) Kawasan Terperingkat
- vi) Dokumen Rasmi

(20 markah)

5. Salah satu cuti yang boleh dipertimbangkan menurut Perbekalan Cuti Universiti ialah Cuti Atas Sebab Perubatan. Huraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan cuti ini.

(20 markah)

6. Kemasukan Pelajar Antarabangsa ke Universiti Sains Malaysia amat signifikan ke arah proses Pengantarabangsaan dan merupakan penanda aras penting kepada tahap kualiti pendidikan negara agar setanding dengan Institusi Pendidikan global. Huraikan kepentingan Pelajar Antarabangsa kepada USM dan nyatakan strategi-strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kemasukan Pelajar Antarabangsa.

(20 markah)

7. a) Sila nyatakan dan jelaskan **LIMA (5)** kaedah perolehan yang diamalkan oleh Universiti.

(10 markah)

- b) Sila nyatakan **LIMA (5)** dasar perolehan Universiti dan seterusnya jelaskan bagaimana dasar tersebut membantu tercapainya objektif-objektif yang ditetapkan oleh kerajaan.

(10 markah)

8. a) Nyatakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Universiti.

- b) Cadangkan dan huraikan program-program/aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang boleh dijalankan di peringkat Universiti bagi menjayakan Dasar KKP USM.

(20 markah)

00000ooooo